KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA BERKENAAN MISI VAKSINASI ORANG ASLI KAWASAN PEDALAMAN

LIPIS, 12 September 2021 – Bermula dari bulan September, Vaksin jenis Cansino (1 Dos) telah mula dibekalkan bagi meneruskan program vaksinasi Orang Asli di serata negara dan disasarkan kepada kawasan pedalaman yang mempunyai cabaran dari segi logistik.

Sehingga hari ini, seramai 4215 orang dari kalangan masyarakat Orang Asli telah menerima vaksin Cansino ini dan program ini dijangkakan akan berterusan sepanjang bulan September dan Oktober 2021 bagi menyelesaikan jumlah masyarakat Orang Asli yang masih belum mendapat akses kepada bekalan vaksin.

Bagi misi yang bermula hari ini, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan kerjasama bersama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Lipis, akan memulakan siri jelajah bagi menyampaikan vaksin ke Pos Lejang, Pos Titom dan Pos Sinderut.

Bekalan vaksin bersama dengan pegawai-pegawai JAKOA dan juga petugas kesihatan akan menyampaikan bekalan dengan menggunakan helikopter bagi mengatasi cabaran akses kepada kawasan-kawasan ini.

Misi selama 4 hari ini dijangkakan akan memberi manfaat kepada lebih 1,000 orang dari Masyarakat Orang Asli di kawasan-kawasan yang disasarkan.

Pelaksanaan misi ini bepegang teguh kepada konsep **Keluarga Malaysia** seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, kerana ia memerlukan kerjasama yang erat di antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan juga Kerajaan Negeri Pahang.

Semoga selepas selesai tempoh 28 hari yang ditetapkan bagi vaksin 1 dos ini, warga Masyarakat Orang Asli yang menerima vaksin ini akan lebih yakin dalam menjalankan aktiviti ekonomi yang mungkin melibatkan pendedahan kepada masyarakat arus perdana dan seterusnya meningkatkan kebolehan mereka menjana pendapatan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan pengurusan JAKOA dan pegawai dan anggota kesihatan yang bertungkus lumus menjayakan misi ini di peringkat nasional.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi perhargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) atas usaha yang dijalankan dalam mendapatkan bekalan vaksin jenis Cansino yang memberi impak besar bagi Masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Usaha ini juga adalah selari bersama konsep **Keluarga Malaysia**, di mana kerajaan menunjukkan komitment pada tahap yang tertinggi dalam memastikan tiada lapisan masyarakat diabaikan dalam mencari jalan keluar dari kesan wabak pandemik Covid-19 ini.

-Tamat-

YB DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD
TIMBALAN MENTERI I
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

12 SEPTEMBER 2021